

20/06/1998

Amerika patut bantu Malaysia

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia mahu Amerika Syarikat turut membantu memperkukuhkan ringgit dan bukan semata-mata menghulur bantuan dana kepada negara kaya seperti Jepun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata berdasarkan pengamatannya, begitu mudah untuk menilai semula yen dengan hanya menerusi kerjasama Amerika Syarikat dan Jepun.

"Kita ingin melihat Amerika membantu kita menilai semula ringgit kita. Mengapa hanya Jepun? Jepun adalah negara kaya ... Malaysia memerlukan duit itu. Tolong beritahu mereka (Amerika) untuk bekerjasama dengan kami bagi menilai semula ringgit," katanya dalam sidang akhbar pada akhir hari pertama Perhimpunan Agung Umno, di sini petang ini.

Dr Mahathir ditanya mengenai masalah ekonomi Jepun dan nilai yen yang merudum. Semalam, Amerika Syarikat dikatakan memasukkan sejumlah AS\$2 bilion (RM8 bilion) dalam campur tangan di Jepun itu.

Ia juga adalah pembelian yen buat pertama kali oleh pihak berkuasa kewangan Amerika di pasaran tukaran asing sejak Ogos 1995 dan dikatakan memberi petunjuk Amerika percaya Tokyo tidak akan memperolehi keyakinan pasaran kewangan tanpa bantuan.

Langkah itu berjaya menstabilkan yen daripada terus merudum berbanding dolar sekali gus meredakan mata wang lain dan pasaran saham serantau yang tertekan sejak minggu lalu.

Ditanya apakah pengajaran yang boleh Malaysia pelajari dari Jepun yang menghadapi kemelesetan ekonomi sekarang, Dr Mahathir berkata, memang banyak pengajaran yang boleh diambil iktibar.

"Banyak pengajaran yang kita pelajari mengenai kewangan, pengurusan bank, pinjaman tidak berbayar dan sebagainya. Proses belajar tidak pernah berhenti," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu sangat mengenai Jepun tetapi menurut laporan akhbar kewangan hari ini, Jepun tidak tahu bagaimana berbuat sesuatu.

"Mereka memerlukan kepakaran daripada mereka ini yang menulis laporan ini. Saya fikir, akhbar ini harus menasihatkan apa yang Jepun perlu buat," katanya berseloroh tetapi menambah, Jepun yang menyuntik AS\$130 bilion ke dalam ekonomi dan mengambil pelbagai tindakan, ia masih juga salah.

Mengenai bantuan Bank Dunia sebanyak AS\$300 juta (RM1.17 bilion), beliau berkata ia semata-mata untuk program sosial iaitu program yang boleh menolong rakyat seperti menghadapi masalah sosial, termasuk perumahan.

"Ini bukan (untuk) reformasi, cuma kita nak tengok supaya rakyat dapat hidup sempurna. Apa saja projek yang membawa kepada kebaikan bagi rakyat, kita boleh guna wang AS\$300 juta ini, akan datang, kita akan buat lagi senarai projek yang memenuhi syarat itu," katanya.

Dr Mahathir juga mengesahkan Malaysia akan memohon pinjaman tambahan AS\$700 juta daripada Bank Dunia.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan memang sentiasa memikirkan soal untuk merangsang ekonomi dan menyebut bahawa akan ada defisit dalam belanjawan kerajaan.

"Kita kekurangan peruntukan perbelanjaan dan ini jumlahnya akan meningkat, jika tidak ada pertumbuhan. Ya ... kita mungkin terpaksa meminjam wang lagi (menerusi) pengeluaran bon dan sebagainya.

"Inilah yang sudah kita usaha. Seperti yang kita tahu, pendapatan kerajaan berasas kepada terutama cukai korporat. Sekarang syarikat-

syarikat tidak mendapat keuntungan, jadi pendapatan kerajaan akan berkurangan. Sebab itu akan ada defisit," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata peruntukan tambahan RM7.031 bilion dalam belanjawan tahun ini bagi mempercepatkan pemulihan pertumbuhan ekonomi negara, akan menambah kepada belanjawan defisit.

Katanya, beliau akan mengumumkan mengenai perkara itu pada sidang Dewan Rakyat bulan depan.

Anwar juga berkata, Ketua Perbendaharaan, Datuk Dr Aris Othman akan mewakili Malaysia pada mesyuarat tergepar timbalan menteri kewangan Kumpulan Tujuh (G7) dan negara yang terbabit dengan Rangka Kerja Manila.

(END)